



KEPENTINGAN AKTIVITI KOKURIKULUM KEPADA PELAJAR

Oleh Jared Liw Zhi Long, SMK Tinggi Batu Pahat, Johor

BIDANG kurikulum dan kokurikulum saling berkaitan dalam meningkatkan keupayaan dan kebolehan pelajar untuk mencapai kecemerlangan yang seimbang dalam kedua-dua bidang tersebut. Aktiviti kokurikulum bermatlamat untuk melengkapkan keterampilan fizikal, emosi dan sahsiah pelajar.

Pelbagai kebaikan dapat diperoleh oleh pelajar semasa melakukan aktiviti kokurikulum. Antaranya, aktiviti kokurikulum dapat mengisi masa lapang para pelajar. Hal ini boleh mengurangkan penglibatan pelajar dalam gejala sosial seperti merokok, melepak, melakukan perbuatan vandalisme, membuli atau merayau-rayau ke sana sini kerana mereka tiada masa untuk melibatkan diri dalam perkara negatif. Selain itu, mereka juga tidak akan terlalu taasub dalam permainan video. Oleh itu, pelajar dapat memanfaatkan setiap detik dan minit dalam aktiviti yang mendatangkan kemaslahatan dan pelajar akan mempunyai sahsiah yang terpuji.

Selain itu, aktiviti kokurikulum juga berupaya untuk membentuk disiplin seseorang pelajar. Dengan melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum, pelajar akan menyandang sesuatu tugas kerana diberikan kepercayaan oleh guru dan pelajar lain. Seseorang pelajar itu akan menjadi lebih bertanggungjawab. Sebagai contoh, pelajar dapat mendisiplinkan diri dengan menyertai latihan kawad kaki, aktiviti mendirikan khemah dan sebagainya.

Di samping itu, daya kepemimpinan merupakan kemahiran yang perlu dikuasai oleh para pelajar pada abad ke-21 ini. Dengan berkecimpung dalam aktiviti kokurikulum, daya kepemimpinan dapat dipupuk melalui

pelantikan jawatan sebagai pengerusi, setiausaha, bendahara dan sebagainya. Pelajar dapat diasuh menjadi insan yang berkeyakinan tinggi, beramanah dan berupaya berinteraksi dengan baik. Pelajar yang pernah memimpin sesuatu pertubuhan akan lebih yakin untuk menjadi pemimpin sesuatu organisasi pada suatu hari kelak. Oleh itu, negara kita tidak akan menghadapi masalah ketandusan pemimpin kerana generasi muda sekarang berupaya untuk berfikir secara kritis dan kreatif dalam pencetusan idea dan bijak dalam peleraian masalah yang dihadapi.

Tambahan pula, pelajar haruslah mengambil bahagian dalam aktiviti kokurikulum untuk membentuk sebuah negara yang bersatu-padu. Dalam setiap persatuan, para ahlinya terdiri daripada pelbagai kaum seperti Melayu, Cina dan India. Secara tidak langsung, hubungan antara rakan sepejuangan yang berlainan kaum akan bertambah erat dan kukuh ibarat isi dengan kuku. Secara ringkasnya, penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum mampu mewujudkan perpaduan serta mengikis sentimen perkauman.

Secara keseluruhannya, kegiatan kokurikulum membawa banyak faedah kepada pelajar, masyarakat dan negara. Para pelajar perlu bergiat aktif dalam aktiviti kokurikulum kerana mereka merupakan jentera penggerak kemajuan negara pada masa hadapan. Bak kata pepatah, "Pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara." Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum dapat melahirkan golongan muda yang seimbang dalam aspek jasmani, emosi dan intelek. 